

BERITA SUKMA XVII PERLIS 2014

TERENGGANU TERUS KUASAI MEMANAH



ARAU (1 Jun 2014) - Terengganu terus membuktikan kejaguhannya dalam memanah SUKMA XVII apabila menguasai pingat emas dan perak acara perseorangan recurve (pusingan olimpik) lelaki di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Pauh di sini hari ini.

Kejayaan tersebut turut menyaksikan Terengganu menambah koleksi pungutan pingat memanah dengan keseluruhan tujuh emas untuk mendahului lain-lain negeri selepas empat hari sukan memanah SUKMA XVII berlangsung.

Bagi penentuan pingat emas kategori lelaki itu, Muhammad Saifuddin Mohd. Kamro mencatat kemenangan selepas mengalahkan rakan senegeri, Muhamad Zarif Syahir Zulkepeli dengan mata 6-4.

Bagaimanapun, hajat Terengganu untuk menguasai kesemua pingat acara tersebut tidak kesampaian apabila terpaksa menyerahkan pingat gangsa kepada pemanah Melaka, Muhammad Norhairulnizam Rosdi selepas pemanahnya, Syafiq Izuddin Sulaiman tewas 2-6.

Dalam penentuan emas acara perseorangan recurve (pusingan olimpik) wanita menyaksikan, kejuaraan menjadi milik Nur Afisa Abdul Halil dari Negeri Sembilan yang menewaskan pemanah Pulau Pinang, Nur Naseha Rusli 6-2.

Penentuan Perak pula memihak kepada pemanah Kelantan, Azuanis Abdullah yang mengatasi Cheryl Rudang Goh Pei Loke dari Sarawak 6-2. Sementara itu, Muhammad Saifuddin, 19, memberitahu, kejayaannya itu akan menjadi pendorong semangat untuk meneruskan aksi memberangsangkan dalam acara yang masih berbaki sehingga tamat saingan pada 3 Jun ini.

"Ia juga akan menjadi perangsang untuk beraksi dalam kejohanan universiti dunia di Poland bulan depan," kata pelajar Diploma Rekaan Industri di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) itu.